

CNS1752

U GB 01-09 00159 BH988

AAB

Mahathir - Labuan

DR MAHATHIR GESA LEBIH BANYAK BANK LUAR PESISIR DIBUKA DI LABUAN

1

LABUAN, 1 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad menggesa lebih banyak bank luar pesisir beroperasi di sini selepas siapnya Taman Kewangan berharga RM600 juta menjelang 1995.

Katanya, ketika itu Labuan akan mempunyai semua kemudahan yang diperlukan bagi menyokong operasi kegiatan perniagaan kewangan seperti bank-bank luar pesisir dan pada masa yang sama menyediakan banyak lagi tarikan pelancong.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas lawatan sehari ke sini, Dr Mahathir menyatakan rasa puas hatinya dengan kemajuan pulau ini dan berkata bahawa Labuan berpotensi menjadi setaraf dengan Langkawi.

Ketika mengulas sungutan mengenai kemerosotan perniagaan di pulau ini, beliau menasihatkan sektor swasta menerokai projek-projek yang boleh merangsangkan lagi ekonomi tempatan dan pelaburan ke Labuan.

Sektor perniagaan runcit di sini dilaporkan mengalami kemerosotan dengan jualan jatuh sehingga 30 peratus sejak Jun tahun ini. -- lagi.

▼01/09/19-49MS*

CNS1793

R GB 01-09 00138 BH764

aab

Mahathir - Labuan 2 Labuan

Dr Mahathir berkata Labuan tidak lama lagi akan mempunyai hubungan udara dengan negara jiran Brunei dan perundingan masih dijalankan untuk mengadakan hubungan terus udara dengan Hong Kong.

Ketika ditanya mengenai konsep segitiga pertumbuhan ekonomi yang dicadangkan semasa pertemuannya dengan Presiden Filipina Fidel Ramos baru-baru ini, beliau berkata cadangan itu masih belum dimulakan dan Filipina dilihat lebih berminat meningkatkan perdagangan dengan Malaysia.

Katanya banyak rakyat Malaysia melabur di Filipina terutama di wilayah Subic Bay.

Mengulas cadangan membenarkan pelawat Malaysia ke Labuan membawa balik barangan bebas cukai selepas melawat selama 24 jam dan bukan 72 jam seperti sekarang, beliau berkata ia tidak mungkin dilaksanakan.

"Kita mahu orang melawat Labuan menghabiskan masa dan membelanjakan wang, bukannya membeli-belah dan kemudiannya balik," katanya. -- lagi

▼01/09/20-20MS*

CNS1801

R GB 01-09 00182 BB765

aab

Mahathir - Labuan 3 (Akhir) Labuan

Baru-baru ini, Setiausaha Dewan Perniagaan Cina Labuan Roger Tay mencadangkan supaya kerajaan melonggarkan peraturan terhadap barangan bebas cukai untuk merangsangkan pertumbuhan dalam industri runcit yang sedang merosot kerana kurangnya pelawat ke pulau itu.

Semasa di sini, Perdana Menteri melawat beberapa projek termasuk kerja-kerja di taman kewangan itu, Pusat Marina Labuan dan Fabers Hotel yang mempunyai 200 bilik.

Beliau juga melawat sebuah hotel peranginan eksklusif berharga RM15 juta dan Sheraton Manikar Hotel yang dibangunkan oleh Landmark Group.

Dr Mahathir diberi taklimat mengenai rancangan pembangunan Labuan di pejabat Lembaga Pembangunan Labuan oleh Pengurus Besar Encik Mainor Awang.

Perdana Menteri yang terbang ke sini dari Kuching selepas menghadiri perayaan Hari Kebangsaan, diiringi oleh isterinya Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Ali. Mereka berlepas pulang ke Kuala Lumpur petang ini.

Pagi tadi, sebaik tiba di sini, beliau menaiki pesawat Caribou tentera Udara Diraja Malaysia untuk penerbangan selama satu jam setengah ke pulau layang-layang, di sebelah Barat laut pulau ini. -- Bernama

AG OPP RON

▼01/09/20-37MSF